

Lebih 200,000 terima bantuan MyKasih sejak 2009

LABIS 17 Ogos - Sebanyak 226,555 keluarga di seluruh negara menerima bantuan di bawah skim bantuan barangan makanan, persekolahan, pengangkutan petrol dan bayaran bil utiliti daripada MyKasih Foundation sejak tahun 2009.

Ahli Lembaga Pemegang Amanah MyKasih Foundation, Siti Khairon Shariff berkata, daripada jumlah tersebut, seramai 9,618 orang ialah pelajar sekolah rendah dan menengah yang menerima bantuan di bawah skim bantuan kep-

erluan persekolahan berjumlah RM720 hingga RM960 setahun.

“Sumber kewangan MyKasih diperoleh daripada sumbangan syarikat serta penderma individu yang bertindak menaja keperluan keluarga miskin di seluruh negara mengikut keperluan mereka.

“Salah sebuah syarikat yang telah menjalin kerjasama erat dengan kami adalah JTI Malaysia yang menjadi rakan penyumbang kepada 2,574 keluarga miskin di seluruh negara sejak tahun 2012,” katanya dalam Majlis Pelancaran

'Love My Neighbourhood' di Dewan Majlis Daerah Labis, di sini semalam.

Program tersebut dilancarkan oleh Ahli Parlimen Labis, Datuk Chua Tee Yong yang juga Timbalan Menteri Kewangan.

Siti Khairon berkata, di negeri ini sebanyak 244 keluarga, iaitu 164 keluarga di Labis dan selebihnya di Ayer Hitam telah dikenal pasti layak untuk disenaraikan sebagai penerima bantuan barangan makanan bernilai RM80 sebulan pada tahun ini.